



MALAYSIA MADANI

Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi



Konsep Malaysia MADANI



- Diasaskan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 26 September 1995.
- Idea ini menjadi asas yang mendasari buku "The Asian Renaissance (1996)"
- Mengambil inisiatif menulis buku "SCRIPT" dan diluncurkan bertujuan membimbing masyarakat mendepani era pandemik COVID-19 yang dikenali era 3C (Complexity, Chaos dan Contradictions)
- Buku ini diterjemahkan kepada bahasa Melayu iaitu "Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi"

Teras Malaysia MADANI

KEMAMPANAN

Menekankan kebersamaan iaitu kerjasama kolektif dan berterusan kepada semua lapisan masyarakat.

KESEJAHTERAAN

Pewujudan sebuah negara sejahtera melalui pertumbuhan ekonomi kesuburan amalan kerohanian dengan pemerksaan rakyat tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang.

DAYA CIPTA

Membudayakan daya cipta dalam kalangan masyarakat dan merubah kecenderungan bangsa mencorak revolusi digital dan teknologi yang merubah dunia.

HORMAT

Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang saling menghormati, berdedikasi, punyai nilai kesaksamaan dan berintegriti tinggi.

KEYAKINAN

Memulihkan keyakinan terhadap negara untuk mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat.

IHSAN

Kejujuran serta tekad yang ampuh untuk memartabatkan masyarakat daripada aspek ekonomi, kewangan, sikap dan tingkah laku.

Dimensi Pascanormal (Postnormal Times) Dalam 6 Teras MADANI:

***Complexity* (Kerumitan)**

Kerumitan harus diatasi dengan keazaman untuk berubah.

***Chaos* (Kekacauan)**

Gangguan yang memberi kesan terhadap perancangan Kerajaan, harus diatasi dengan kesedaran fenomena pascanormal.

***Contradictions* (Percanggahan)**

Percanggahan ini tidak boleh dirungkai, namun boleh dilangkai dengan analisa MADANI.

***Speed* (Kelajuan)**

Kita harus memantau kelajuan corak perkembangan di peringkat global.

***Scope* (Skop)**

Menjangka skop isu yang berkemungkinan akan timbul.

***Scale* (Skala)**

Melakar skala senario kemelut dan krisis lain yang berpotensi untuk berlaku di negara atau tempat lain.

***Simultaneity* (Keserentakan)**

Pandemik COVID-19 memaparkan senario terburuk bagi keserentakan peristiwa, krisis, tatkala Malaysia diasak secara serentak oleh kemelut politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

madani

(مدني)

Maju dari segi pemikiran, kerohanian, akhlak dan kebendaan (berkenaan masyarakat, generasi dan sebagainya).

Sumber:
Kamus Dewan Perdana
(DBP, 2020)


"Malaysia Madani sebuah kerangka visi baharu buat negara, suatu ikhtiar nirmala yang bersepadu dan holistik, bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat madani, maju, terampil dan terangkum."

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri Malaysia



VISI MALAYSIA MADANI

Mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pascanormal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.



Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN PROGRAM
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI, KEMENTERIAN KOMUNIKASI